

23/09/2002

Peniaga tempatan khianat, warga asing hidup mewah

Mat Korek

BAK kata pemimpin kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Melayu mudah lupa. Itulah kata-kata beliau yang menjadi kenyataan di tempat kami iaitu di Bandar Indra Mahkota Satu, Kuantan.

Di sini ada banyak gerai yang dulu dimonopoli warga tempatan tetapi disebabkan sikap tamak dan kepentingan diri, salah seorang peniaga tempatan menyewakan gerai mereka kepada rakyat Thailand dan memberi ruang pada warga asing berniaga dengan mengaburi mata pihak berkuasa iaitu menggunakan nama tuan punya gerai.

Warga asing datang hanya sebagai pelawat dan kebanyakannya hanya menggunakan passport atau permit melawat ke negara ini tetapi kini mereka mendabik dada yang mana dulunya berjalan kaki dan kini sudah mempunyai kereta mewah. Dulu rumah mereka beratap rumbia dan kini sudah jadi banglo malah berani membuka beberapa cawangan di sekitar kampung Balok Kuantan.

Kami sebagai penduduk tempatan sedih melihat kawasan gerai yang dulunya dikuasai orang tempatan kini dimonopoli bangsa asing hingga menyebabkan anak negeri sendiri tidak dapat mencari rezeki. Semua ini adalah kerana dikhianati bangsa sendiri.

Beberapa minggu lalu, pihak berkuasa membuat operasi besar-besaran di sekitar Bandar Kuantan dan semua pendatang ini ditangkap.

Apa yang memeranjatkan ialah tidak sampai beberapa hari ditangkap, mereka muncul semula menjalankan perniagaan dengan mengaburi pihak berkuasa seolah-olah mereka ini bekerja dengan tuan punya gerai itu, sedangkan warga Indonesia sudah pun meninggalkan negara ini dan pulang ke negara asal mereka.

Nampaknya warga asing keberatan meninggalkan tempat ini kerana kekayaan yang mereka peroleh datang dari gerai di sini yang mana mereka boleh menyembelih sesiapa saja yang makan di gerai mereka.

Jika ini berterusan, bagaimana dengan nasib peniaga tempatan di mana rezeki mereka disekat oleh warga asing ini. Jawapannya terpulang kepada pihak yang mengizinkan kehadiran mereka kerana negara sudah menikmati kemerdekaan, rakyat sendiri pula sanggup mengkhianati bangsa sendiri.

MAT KOREK,

Kuantan, Pahang.